



# **PEMBAPTISAN**

*Siri Asas Kepercayaan Kristian*

# **Pembaptisan**

## **Siri Asas Kepercayaan Kristian**

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: “Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja.” Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.

Cetakan Pertama: Mei 2015

Dicetak di Malaysia

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hak Cipta © 2015 Wawasan Penabur Sdn Bhd

# Pembaptisan

<sup>18</sup>Yesus mendekati mereka dan berkata:

“Kepada-Ku telah diberikan segala kuasa di sorga dan di bumi.

<sup>19</sup> Karena itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus,

<sup>20</sup> dan ajarlah mereka melakukan segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu. Dan ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai kepada akhir zaman.”


(*Matius 28:18-20*)

**M**ungkin tidak ada isu yang telah menyumbang banyak kekeliruan, perbalahan pendapat, bahkan sampai kepada perpecahan dalam dunia Kristian selain daripada isu pembaptisan. Ada gereja yang mengajar pembaptisan adalah sakramen, sementara ada pula yang mengajar ianya perlu untuk keselamatan. Ada pula yang mengajar bayi harus dibaptis manakala yang lain menghadkan pembaptisan hanya untuk orang dewasa. Ada gereja yang mengamalkan pembaptisan dengan cara rendaman, sedangkan yang lain pula menerima

percikan atau curahan. Ada pula gereja yang tidak menganggap seseorang itu Kristian sehingga tidak dibenarkan menyertai aktiviti-aktiviti gereja jika mereka belum dibaptis, atau telah dibaptis dengan cara yang berlainan daripada amalan gereja tersebut!

Sebenarnya, ada dua perkara yang diperintahkan oleh Yesus sebagai melambangkan dan meterai untuk pelayanan-Nya iaitu Pembaptisan dan Perjamuan Tuhan. Setiap satu dipanggil sebagai ordinan (sesuatu yang diperintahkan oleh Kristus) atau sakramen (janji atau ikrar). Untuk cuba menghilangkanan kekeliruan ini, adalah perlu untuk kita memeriksa apa yang diajar oleh Alkitab tentang pembaptisan.

Ada dua ayat penting di mana pembaptisan diwajibkan untuk semua orang Kristian.



Yesus sendiri dibaptiskan (*Matius 3:13, Markus 1:9*) dan

Dia sendiri membaptis pengikut-pengikut-Nya (Yohanes 3:22, 4:1). Orang yang menerima mesej keselamatan Kristus perlu dibaptis (Markus 16:16) sesuai dengan perintah Yesus.

## A. Definisi Pembaptisan

Pembaptisan datang dari kata dasar *baptizein/baptizo* di dalam bahasa Yunani yang bermaksud membenam, merendam, ataupun menenggelamkan sesuatu. Oleh itu, ia mencadangkan maksud dimandi, dibenam, atau ditenggelami. Istilah bahasa Inggeris (kemudian dalam Bahasa Indonesia dan Malaysia) yang digunakan adalah terjemahan bulat-bulat daripada perkataan asli Yunani tersebut. Dalam Perjanjian Baru, ia disebut dan digunakan dengan empat cara:

### 1. *Baptisan Air*

Yohanes Pembaptis membaptis orang yang telah bertaubat dan mencari pengampunan atas dosa mereka dengan air, sambil menanti kedatangan Kristus. Rujuk Markus 1:5-7 untuk mengetahui kisah sepenuhnya.

<sup>5</sup>Banyak sekali orang yang datang dari negeri Yudea dan kota Yerusalem untuk mendengarkan Yohanes. Mereka mengakui dosa dan Yohanes membaptis mereka di Sungai Yordan. <sup>6</sup>Yohanes mengenakan pakaian yang dibuat daripada bulu unta dan tali pinggangnya dibuat daripada kulit. Dia makan belalang dan madu hutan. <sup>7</sup>Dia mengisytiharkan berita ini, "Dia yang lebih besar daripada aku akan datang kelak. Aku tidak layak membongkok untuk mengurai tali kasut-Nya. (Mrk 1:5-7)

Selain daripada maksud pembersihan, renungan para rasul tentang teladan dan pengalaman Yesus telah memberikan erti yang lebih mendalam lagi kepada upacara pembaptisan.

## 2. *Baptisan Roh Kudus*

Yohanes mengajar bahawa dia hanya membaptis dengan air, tetapi Mesias yang datang kemudian daripadanya akan membaptis dengan Roh Kudus (Bacalah Matius 3:11, Markus 1:8, Lukas 3:16, Yohanes 1:33).

“Aku membaptis kamu dengan air untuk menyatakan bahawa kamu sudah bertaubat daripada dosa. Tetapi Dia yang datang kemudian daripada aku akan membaptis kamu dengan Roh Allah dan api. Dia lebih besar daripada aku, sehingga menjinjing kasut-Nya pun aku tidak layak.” (Mat 3:11)

“Aku membaptis kamu dengan air, tetapi Dia akan membaptis kamu dengan Roh Allah.” (Mrk 1:8)

“Yohanes berkata kepada mereka, “Aku membaptis kamu dengan air, tetapi Dia yang lebih besar daripadaku akan datang. Aku pun tidak layak mengurai tali kasut-Nya. Dia akan membaptis kamu dengan Roh Allah dan api.” (Luk 3:16)

“Dahulu aku belum mengetahui siapa Dia itu. Tetapi Allah yang menyuruh aku membaptis orang dengan air berfirman kepadaku, ‘Engkau akan nampak Roh Allah turun lalu tinggal di atas seseorang. Dialah yang akan membaptis orang dengan Roh Allah.’ Aku nampak Roh Allah turun seperti burung merpati dari langit lalu tinggal di atas-Nya.” (Yoh 1:33)

Janji ini diulang oleh Tuhan Yesus sebelum pengangkatan-Nya apabila Dia memberi perintah kepada para murid-Nya untuk tinggal di Yerusalem

menantikan janji Bapa (Kisah Rasul-Rasul 1:5).

“Yohanes membaptis kamu dengan air, tetapi beberapa hari lagi kamu akan dibaptis dengan Roh Allah.” (Kis 1:5)

Janji ini tidak digenapi sehinggalah pada hari Pentakosta di mana Roh Allah turun ke atas orang-orang percaya di Yerusalem lalu menjadikan mereka satu tubuh Kristus. Kedatangan Roh ini disertai tiupan angin kencang, lidah-lidah seperti nyala api dan karunia berbahasa lidah (Kisah Rasul-Rasul 2:2-4).

<sup>2</sup>Tiba-tiba terdengar bunyi dari langit seperti tiupan angin yang kuat. Bunyi itu memenuhi rumah tempat mereka sedang duduk. <sup>3</sup>Lalu mereka nampak sesuatu yang menyerupai lidah api yang menjalar dan menghinggapi setiap orang di situ. <sup>4</sup>Mereka semua dikuasai oleh Roh Allah. Mereka mula berkata-kata dalam pelbagai bahasa lain, menurut apa yang diberikan oleh Roh Allah kepada mereka. (Kis 2:2-4)

### 3. **Baptisan Penderitaan**

Yesus berbicara tentang ini di Lukas 12:50 tentang penderitaan dan kematian-Nya yang akan datang. Dia diselubungi dengan fikiran kedahsyatan penyaliban yang bakal mendatang.

“Masih ada penderitaan berat yang mesti Aku alami. Alangkah resahnya hati-Ku selagi perkara itu belum berakhir!” (Luk 12:50)

#### 4. **Baptisan Api**

Pembaptisan dengan api disebut oleh Yohanes Pembaptis yang juga merujuk kepada pembaptisan oleh Roh Kudus (Matius 3:11, Lukas 3:16). Walau bagaimanapun, pembaptisan oleh api berbeza dengan pembaptisan oleh Roh. Ia adalah pembaptisan penghakiman dan bukannya berkat. Api digunakan sebagai simbol penghakiman yang turut digambarkan dalam petikan 2 Tesalonika 1:8, Yudas 7 dan Wahyu 19:20.

“...dan dengan api yang beryala-nyala. Dia datang untuk menghukum orang yang tidak mahu mengakui Allah dan orang yang tidak mahu mentaati Berita Baik tentang Yesus Tuhan kita.”  
(2 Tes 1:8)

“Penduduk kota Sodom, Gomora, dan bandar-bandar di sekitarnya berbuat seperti malaikat-malaikat tersebut. Orang di situ melakukan perbuatan cabul dan lucah. Kota-kota itu dan penduduknya dimusnahkan oleh api yang kekal. Hukuman itu dijadikan amaran bagi semua orang.” (Yud 7)

“Tetapi binatang itu ditawan bersama-sama nabi palsu yang telah melakukan mukjizat di hadapannya. (Dengan mukjizat itulah binatang itu menipu orang yang mempunyai tanda binatang itu, dan orang yang menyembah patung binatang itu.) Binatang itu dan nabi palsu itu dibuang hidup-hidup ke dalam lautan api yang beryala-nyala dengan belerang.” (Why 19:20)





## B. Maksud Pembaptisan

### 1. Pengisytiharan iman terhadap Kristus secara umum

Pembaptisan air ialah suatu pengumuman terbuka bahawa seseorang itu kini komited untuk menjadi pengikut Yesus Kristus. Kisah Rasul-Rasul 2:41 mengisahkan bagaimana orang yang telah menerima pesanan Pentekosta Petrus secara positif dibaptis dengan segera. Perkara tersebut merupakan satu kesaksian yang penting untuk membuktikan kepada orang ramai bahawa mereka yang telah percaya kepada Kristus.

“Banyak orang percaya kepada apa yang dikatakan oleh Petrus, lalu mereka dibaptis. Jumlah orang yang percaya kepada Kristus pada hari itu bertambah lagi dengan tiga ribu orang.” (Kis 2:41)

### 2. Satu meterai hak milik

Dalam Kisah Rasul-Rasul 2:38-39, Petrus menyeru orang ramai agar bertaubat dan dibaptis ‘dalam nama Yesus’. Dengan berbuat demikian, orang yang dibaptis mengumumkan bahawa mereka menjadi milik Yesus. Kini mereka berkongsi dalam apa yang telah dilakukan oleh Kristus, terutama sekali kematian dan kebangkitan-Nya.

Ahli keluarga yang bukan Kristian sangat memahami perkara ini di mana sewaktu salah seorang ahli keluarga mereka dibaptis, orang itu dianggap telah ‘diberi’ kepada Yesus. Sebab itulah mereka akan

mencuba sedaya upaya untuk menghalang dan mengelak ahli keluarga mereka yang sudah mengaku Kristian daripada dibaptis. Tetapi selepas upacara itu sudah dilakukan, mereka akan berhenti memberi tekanan kerana mereka menyedari bahawa mereka telah terlambat. Inilah penentangan yang terpaksa dihadapi oleh orang Kristian yang berasal dari keluarga bukan Kristian dalam menyahut perintah Yesus untuk dibaptiskan.

<sup>38</sup>Petrus menjawab, "Hendaklah setiap orang di kalangan saudara bertaubat daripada dosa, lalu dibaptis demi nama Yesus Kristus, supaya dosa saudara-saudara diampunkan lalu saudara semua akan menerima pemberian Allah, iaitu Roh Allah. <sup>39</sup>Allah menjanjikan hal itu untuk saudara-saudara dan keturunan saudara semua, serta untuk semua orang di tempat-tempat yang jauh - iaitu sesiapa sahaja yang dipanggil oleh Tuhan Allah kita supaya datang kepada-Nya." (*Kis 2:38-39*)


#### **4. Permulaan untuk bersatu dengan Tubuh Kristus**

Baca 1 Korintus 12:13. Orang yang telah dibaptis bersatu dalam iman kepada Kristus dan dijadikan ahli keluarga Tuhan.

"Demikian juga kita semua, baik orang Yahudi mahupun orang bukan Yahudi, baik hamba mahupun orang bebas; kita semua sudah dibaptis oleh Roh yang sama, supaya kita menjadi satu tubuh. Allah sudah mencurahkan Roh yang sama itu kepada kita." (*1 Kor 12:13*)

#### 4. **Satu komitmen untuk hidup demi Tuhan**

Penting untuk ditekankan bahwa pembaptisan hanyalah satu permulaan. Orang itu kini tunduk menyerah kepada kuasa Roh Kudus untuk menjalani kehidupan yang baru. Pembaptisan mengesahkan bahwa diri lama kita yang penuh dosa telah mati bersama Kristus. Kini kita dibangkitkan semula untuk menjalani kehidupan yang dikawal oleh Roh Kudus bersama-sama dengan-Nya. Kita harus meneruskan perjalanan serta menikmati kehidupan yang baru ini.



## C. Syarat-Syarat Pembaptisan

Hanya satu syarat sahaja diperlukan, iaitu berpaling daripada dosa di dalam **pertaubatan dan iman kepada Yesus sebagai Penyelamat**. Tanggapan yang mengatakan seseorang yang ingin dibaptis haruslah mencapai satu tahap kematangan rohani terlebih dahulu adalah tidak benar.

Ini adalah kerana satu-satunya keperluan yang harus dipenuhi ialah keikhlasan untuk **bertaubat** serta **menerima Injil Penyelamatan Yesus Kristus**. Sikapnya mestilah seperti sida-sida Ethiopia (Kisah Rasul-Rasul 8:29-39) di mana sejurus selepas percaya kepada Injil yang disampaikan oleh Filipus, dia berkata, “Lihat, di situ ada air; apakah halangannya, jika aku dibaptis?”

## D. Cara Pembaptisan Dilakukan

Ada perbezaan pendapat yang ketara berhubung dengan cara pembaptisan itu dilakukan. Tetapi secara rambang masyarakat Kristian terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu mereka yang menggunakan renjisan dan mereka yang menggunakan cara membenamkan diri sepenuhnya ke dalam air.

### 1. Merendam

Cara ini merupakan gambaran penyertaan kita di dalam kematian (dengan merendamkan diri ke dalam air) dan kebangkitan Kristus (dengan timbul dari air). “Dengan demikian kita telah dikuburkan bersama-sama dengan Dia oleh baptisan dalam

kematian, supaya, sama seperti Kristus telah dibangkitkan dari antara orang mati oleh kemuliaan Bapa, demikian juga kita akan hidup dalam hidup yang baru” (Roma 6:4).

Cara ini seolah-olah cara yang biasa digunakan di dalam Perjanjian Baru, meskipun ada kalanya kaedah ini tidaklah begitu praktikal. Misalnya kisah pembaptisan 3,000 orang pada hari Pentekosta (Kisah Rasul-Rasul 2:41) atau semasa pengawal penjara dan keluarganya dibaptis pada waktu tengah malam (Kisah Rasul-Rasul 16:33).

Walaupun di dalam Alkitab tidak ada pernyataan khusus mengatakn bahawa pembaptisan harus dilakukan dengan membenamkan diri dalam air, tetapi ada banyak pendapat yang menyokong cara ini. Misalnya:

“Selepas Yesus dibaptiskan, Dia segera keluar dari air.”  
(Mat 3:16)

“...dan keduanya turun ke dalam air, baik Filipus maupun sida-sida itu. Dan setelah mereka keluar dari air...”  
(Kis 8:38b-39b)

“Yohanes pun membaptis juga di Ainon, dekat Salim, sebab di situ banyak air.” (Yoh 3:23)

## 2. *Merenjis*

Secara amnya, mereka yang membaptis dengan cara renjisan faham bahawa pembaptisan air melambangkan pembaptisan oleh Roh Kudus.

Susah untuk diketahui asal idea ini kerana tidak tertulis di dalam Alkitab yang pembaptisan itu mewakili Roh Kudus. Pembaptisan Roh Kudus merupakan penyatuan orang-orang percaya ke dalam tubuh Kristus (1 Korintus 12:13), manakala pembaptisan air menyatakan tentang pengenalan dengan Kristus di dalam kematian-Nya.

Ada juga yang percaya cara ini melambangkan renjisan darah Kristus untuk pengampunan terhadap dosa. Upacara merenjis darah binatang di dalam Perjanjian Lama merupakan satu upacara penyucian. Kitab Yehezkiel, Ibrani dan 1 Petrus mengaitkan gambaran merenjis air kepada penyucian:

“Aku akan mencurahkan kepadamu air jernih, yang akan mentahirkan kamu; dari segala kenajisanmu dan dari semua berhala-berhalamu Aku akan mentahirkan kamu.”  
(Yeh 36:25)

“Karena itu marilah kita menghadap Allah dengan hati yang tulus ikhlas dan keyakinan iman yang teguh, oleh karena hati kita telah dibersihkan dari hati nurani yang jahat dan tubuh kita telah dibasuh dengan air yang murni.”  
(Ibr 10:22)

“...orang-orang yang dipilih, sesuai dengan rencana Allah, Bapa kita, dan yang dikuduskan oleh Roh, supaya taat kepada Yesus Kristus dan menerima percikan darah-Nya.”  
(1 Ptr 1:2)

### 3. Menuang/Mencurah

Cara ini menggambarkan pencurahan Roh Kudus kepada umat Allah melalui pembaptisan. Yoel 2:28 menceritakan tentang pencurahan Roh Allah. Umat Kristian tidak seharusnya menganggap mana cara pembaptisan yang lemah ataupun tidak sah berdasarkan jumlah air yang digunakan. Apa yang penting ialah penerimaan rahmat dalaman Allah melalui iman. Petanda luaran hanya sekadar satu tindakan simbolik sahaja.

“Kemudian Aku akan mencurahkan Roh-Ku kepada semua orang: anak lelaki dan anak perempuan kamu akan mengisytiharkan perkhabaran-Ku; orang tua kamu akan bermimpi, dan orang muda kamu akan nampak penglihatan.”  
(Yl 2:28)

### E. Bagaimana pula dengan Pembaptisan Kanak-kanak?

Banyak denominasi yang mengiktiraf pembaptisan orang dewasa dan juga kanak-kanak. Bahkan ada yang percaya kepada pembaptisan bayi. Namun demikian, ada sesetengah denominasi yang berpegang kepada pendapat hanya orang yang boleh melafazkan imannya dengan betul sahaja yang boleh dibaptis. Oleh kerana pembaptisan kanak-kanak melibatkan anak-anak kecil dan bayi yang tidak mempunyai kesedaran tentang imannya, pembaptisan tersebut dianggap sebagai tidak sah. Ramai yang dibaptis sewaktu mereka masih bayi

atau kanak-kanak memilih untuk dibaptis semula apabila mereka telah dewasa dan mengerti rancangan penyelamatan Allah, dan melafazkan iman mereka untuk menerima Yesus sebagai Penyelamat mereka.

Terdapat alasan-alasan sejarah, Alkitabiah dan teologi yang menyokong pembaptisan kanak-kanak.

### **1. Alasan sejarah pembaptisan kanak-kanak**

Pembaptisan kanak-kanak diterima umum oleh semua gereja selama 15 abad sebelum Reformasi. Rekod terawal pembaptisan kanak-kanak terdapat di dalam *The Apostolic Tradition*, hasil tulisan seorang pakar teologi Rom yang bernama Hippolytus pada tahun 205- 215 Selepas Masihi. Beberapa detik sebelum dibunuh, Uskup Polycarp dari Smyrna (Tahun Masihi 69-155) mengatakan bahawa dia telah mentaati Kristus selama 86 tahun. Ini mencadangkan bahawa dia telah dibaptis sewaktu masih bayi atau di zaman kanak-kanak, dan bukannya waktu remaja. Jika tidak, dia mungkin dibunuh ketika berumur lebih daripada 100 tahun.

Justin (100-165 Masihi) pernah mengatakan terdapat ramai lelaki dan wanita yang berumur enam puluh hingga tujuh puluh tahun telah pun menjadi pengikut Kristus sejak kanak-kanak lagi. Pemimpin-pemimpin Gereja awal seperti Origen (185-254 Masihi) dan Ireneaus (130-200 Masihi) juga berkata demikian dalam penulisan mereka.



## **2. Alasan pembaptisan kanak-kanak menurut Alkitab**

Pembaptisan bukanlah sesuatu yang baru kepada orang Yahudi. Orang bukan Yahudi yang memeluk agama Yahudi juga dibaptis, sekaligus melambangkan mereka telah dimasukkan ke dalam perjanjian kasih kurnia Allah. Oleh kerana konsep Perjanjian Allah difahamkan untuk semua ahli keluarga, maka seluruh ahli keluarga akan dibaptis. Sekiranya pembaptisan orang Kristian di Perjanjian Baru mengikut cara pembaptisan orang Yahudi, ini bermaksud anak-anak juga turut dibaptis seperti yang dinyatakan di dalam Alkitab. Ini boleh dibaca dari Kisah Rasul-Rasul 16:15, 16:33 dan 1 Korintus 1:16. Yesus sendiri menganggap kanak-kanak layak untuk memasuki Kerajaan Allah, seperti yang ditulis di dalam Markus 10:13-15, Matius 19:13 dan Lukas 10:21.

“Lidia dan seisi rumahnya dibaptis. Setelah itu dia menjemput kami ke rumahnya. Dia berkata, “Jika saudara-saudara yakin bahawa saya benar-benar percaya kepada Tuhan, marilah menumpang di rumah saya.” Dia mendesak supaya kami pergi ke rumahnya.” (Kis 16:15)

“Pada malam itu juga, ketua penjara itu membawa mereka ke suatu tempat dan membasuh luka-luka mereka. Lalu dia dan keluarganya dibaptis.” (Kis 16:33)

“Lalu orang membawa anak-anak kecil kepada Yesus, supaya Ia meletakkan tangan-Nya atas mereka dan mendoakan mereka; akan tetapi murid-murid-Nya memarahi orang-orang itu.” (Mat 19:13)

<sup>13</sup>Lalu orang membawa anak-anak kecil kepada Yesus, supaya Ia menjamah mereka; akan tetapi murid-murid-Nya memarahi orang-orang itu. <sup>14</sup> Ketika Yesus melihat hal itu, Ia marah dan berkata kepada mereka: "Biarkan anak-anak itu datang kepada-Ku, jangan menghalang-halangi mereka, sebab orang-orang yang seperti itulah yang empunya Kerajaan Allah. <sup>15</sup> Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya barangsiapa tidak menyambut Kerajaan Allah seperti seorang anak kecil, ia tidak akan masuk ke dalamnya." (Mrk 10:13-15)

"Pada waktu itu juga bergembiralah Yesus dalam Roh Kudus dan berkata: "Aku bersyukur kepada-Mu, Bapa, Tuhan langit dan bumi, karena semuanya itu Engkau sembunyikan bagi orang bijak dan orang pandai, tetapi Engkau nyatakan kepada orang kecil. Ya Bapa, itulah yang berkenan kepada-Mu." (Luk 10:21)

### **3. Alasan teologi untuk pembaptisan kanak-kanak**

Anak-anak kepada ibu bapa yang percaya juga merupakan ahli kepada Perjanjian Allah, yang melambangkan hubungan di antara orang Kristian dengan Allah. Allah membuat satu perjanjian dengan Abraham yang kemudiannya dirasmikan dengan upacara bersunat. Upacara tersebut merupakan petanda luaran ataupun lambang kepada Perjanjian Allah.

Perjanjian yang baru oleh Yesus di dalam Lukas 22:20 merupakan satu pembaharuan kepada yang lama. Lihat Yeremia 31:31-34. Seperti mana upacara bersunat menjadi lambang di dalam Perjanjian Lama, demikian juga pembaptisan di dalam Perjanjian Baru.

“Begitu juga setelah makan, Dia memberikan cawan itu kepada mereka sambil berkata, “Cawan wain ini perjanjian Allah yang baru, yang disahkan dengan darah-Ku, darah yang dicurahkan untuk kamu.” ” (Luk 22:20)

<sup>31</sup>TUHAN berfirman, “Akan tiba masanya Aku membuat perjanjian yang baru dengan umat Israel dan Yehuda. <sup>32</sup>Perjanjian itu tidak seperti perjanjian yang Aku buat dengan nenek moyang mereka ketika Aku menuntun mereka keluar dari Mesir.

Walaupun Aku seperti seorang suami kepada mereka, namun mereka mengingkari perjanjian-Ku dengan mereka. <sup>33</sup>Ini adalah perjanjian baru yang akan Kubuat dengan umat Israel: Aku akan menyimpan hukum-Ku dalam batin mereka, dan menulisnya pada hati mereka. Aku akan menjadi Allah mereka, dan mereka akan menjadi umat-Ku. <sup>34</sup>Tidak seorang pun antara mereka perlu mengajar sesamanya untuk mengenal TUHAN, kerana mereka semua, besar kecil, akan mengenal Aku. Aku akan melupakan kesalahan mereka dan mengampunkan dosa mereka.

Aku, TUHAN, telah berfirman.” (Yer 31:31-34)

Kolose 2:11-12 menyatakan perbezaan di antara pembaptisan dan sunat tetapi kedua-duanya mempunyai fungsi yang sama. Realitinya, cuma ada satu Perjanjian Allah yang diguna pakai kepada umat Allah di dalam Perjanjian Lama dan Baru. Kristus ialah Penyelamat yang sama untuk kedua-duanya. Meskipun sesetengah upacara luaran di dalam Perjanjian Lama seperti pengorbanan binatang sudah tidak diperlukan di dalam Perjanjian Baru, Perjanjian Allah tetap tidak berubah.

Tambahan lagi, perjanjian itu adalah inisiatif Allah.

<sup>11</sup>Kerana bersatu dengan Kristus, kamu sudah disunat, bukan dengan sunat yang dilakukan oleh manusia, tetapi dengan sunat yang dilakukan oleh Kristus, yang membebaskan kamu daripada kuasa keinginan yang berdosa. <sup>12</sup> Hal itu demikian kerana pada waktu kamu dibaptis, kamu dikubur bersama-sama Kristus.

Dengan baptisan itu juga kamu dihidupkan kembali bersama-sama Kristus, kerana kamu percaya kepada kuasa Allah yang telah membangkitkan Kristus daripada kematian.

(Kol 2:11-12)

Kita hanya menjadi Kristian berdasarkan panggilan dan berkat Allah. Oleh yang demikian, meskipun pembaptisan menunjukkan pertaubatan dan iman seseorang, maksud utamanya ialah petanda luaran bagi pekerjaan dan kasih kurnia Allah. Pembaptisan kanak-kanak melambangkan pengikhtirafan kasih Allah kepada kita jauh sebelum kita memberi respon kepada-Nya.

Walau bagaimanapun, penting untuk kita menetapkan beberapa prinsip panduan untuk amalan pembaptisan kanak-kanak.

- a) Ia seharusnya hanya dibenarkan kepada anak-anak kepada ibu bapa Kristian. Ini bermaksud pembaptisan anak-anak kepada ibu bapa yang bukan Kristian sebaiknya jangan dijalankan.
- b) Ibu bapa kepada kanak-kanak itu harus bertanggungjawab untuk mengajar anak-anak mereka tentang Tuhan agar mereka menujui kesedaran untuk bertaubat dan mempunyai iman

dalam Kristus kelak. Di kemudian hari, keputusan untuk beriman kepada Kristus haruslah diiktiraf dalam upacara pengesahan (*confirmation*) kepada umum nanti.

- c) Upacara ini tidak menyelamatkan anak yang dibaptis, sama seperti pembaptisan orang dewasa tidak menyelamatkan orang yang dibaptis. Pertaubatan dan beriman kepada Yesus setelah kanak-kanak itu meningkat dewasa haruslah menjadi satu kemestian. Dia harus menerima Yesus sebagai Penyelamatnya secara peribadi, dan bukannya 'menumpang' iman ibu atau bapanya.



## Soalan Untuk Perbincangan

1. Adakah anda telah dilahirkan kembali? Jika ya, bagaimanakah anda tahu anda telah dilahirkan semula?
2. Apakah cara praktikal untuk menggalakkan seseorang yang telah dibaptis untuk terus bertumbuh dalam iman Kristian?
3. Apakah jawapan yang anda akan berikan kepada seorang pemuda di gereja yang berkata, “Saya ingin menanggungkan pembaptisan saya sehingga ibu bapa saya menjadi Kristian.”?

4. Apa yang boleh anda katakan kepada seseorang yang dibaptis sewaktu dia masih bayi? Perlukah dia dibaptis semula? Adakah dia sudah diselamatkan kerana telah menerima pembaptisan sewaktu masih kanak-kanak?

NOTA

---